

14 FEB 2001

JAWATANKUASA BERSAMA WISMA PUTRA, PENERANGAN BERMESYUARAT JUMAAT INI

PUTRAJAYA, 14 Feb (Bernama) -- Mesyuarat pertama jawatankuasa bersama Kementerian Penerangan dan Kementerian Luar bagi menangani laporan negatif mengenai Malaysia oleh media asing akan diadakan Jumaat ini.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata mesyuarat peringkat pegawai kanan itu akan diikuti oleh mesyuarat peringkat menteri pada 22 Feb ini.

"Kedua-dua mesyuarat itu akan diadakan di Kementerian Penerangan," katanya selepas menghadiri jamuan tengah hari yang dianjurkan oleh Menteri Hal Ehwal Wanita Datuk Shahrizat Abdul Jalil di Cyberview Lodge di sini.

Turut hadir pada jamuan yang diadakan selepas mesyuarat mingguan kabinet itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta menteri-menteri kabinet.

Kementerian Penerangan akan menghantar 12 wakil yang diketuai oleh Khalil dengan anggota lain termasuk Setiausaha Parlimen Datuk Zainuddin Maidin dan Pengerusi Bernama Datuk Abdul Kadir Jasin.

Jawatankuasa itu antara lain akan mengenal pasti langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani laporan negatif media asing terhadap Malaysia.

-- BERNAMA

NHD HS AZZ MAI